

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI PUSAT PENYELIDIKAN PERTAHANAN, KEMENTERIAN PERTAHANAN, KUALA LUM- PUR PADA 31HB JULAI, 1975

Pengarah Pusat Penyelidikan Pertahanan, Y.B. Tan Sri Abu Bakar, Y.B. Jeneral Tan Sri Ibrahim¹, Dif-dif terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi penghormatan merasmikan Pusat Penyelidikan Pertahanan ini. Pusat ini menandakan satu lagi kemajuan yang dicatitkan oleh Angkatan Tentera kita khasnya dan Negara amnya.

Pusat Penyelidikan Pertahanan ini mencerminkan perhatian Kerajaan peri mustahaknya peranan sains dan teknologi di bidang pertahanan Negara. Negara kita telah mencapai kemajuan yang pesat dalam bidang sosio-ekonomi tetapi di samping itu mustahak diberi pandangan yang berat dalam urusan pertahanan kerana keselamatan dalam negeri sangat penting bagi perkembangan ekonomi. Sungguhpun dasar pertahanan kita adalah defensive, ini menghendaki kecekapan dan ketahanan yang tinggi dengan menjalankan penyelidikan dalam semua bidang bagi menyesuaikan Angkatan Tentera kita dengan sains dan teknologi ini.

Seperti kita sama-sama maklum, kita telah mendirikan Universiti-universiti dengan perbelanjaan yang sebegitu besar supaya mudamudi kita mendapat pengetahuan secara mendalam terutama dalam lapangan sains dan teknologi. Kerajaan telahpun menguntukkan perbelanjaan istimewa kepada institusi-institusi dan lembaga-lembaga penyelidikan yang perlu diadakan demi mencapai kemajuan yang lebih tinggi lagi. Tiap-tiap institusi penyelidikan itu mempunyai fungsi-fungsi yang tertentu: RRI bertanggungjawab berkenaan hal-hal getah, MARDI dalam bidang pertanian; di samping Pusat Penyelidikan Pertahanan ini.

Kerajaan percaya usaha-usaha penyelidikan boleh meningkatkan kejayaan dengan mengambil contoh dari prestasi negara-negara yang maju di mana kemajuan ekonominya begitu tinggi hasil usaha-usaha penyelidikan.

¹ Ketua Turus Angkatan Tentera.

Saudara-saudara sekalian,

Sebuah Majlis Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara akan ditubuhkan di bawah Kementerian Tenaga Teknologi dan Penyelidikan, yang akan mengarah, menyelaraskan dan mengawal aktiviti-aktiviti pertumbuhan-pertumbuhan penyelidikan di Negara ini. Begitu juga dasar sains Negara akan digubal untuk panduan bagi pembangunan Negara. Kita akan mengadakan dasar sains pertahanan supaya menetapkan keperluan dalam kebolehan pertahanan yang tertentu. Selaras dengan dasar ini kita akan menubuhkan satu sekim Perkhidmatan Sains Pertahanan bagi pegawai iktisas seperti sekim Perkhidmatan Sains Awam. Sekim tersebut ini akan membolehkan pengumpulan tenaga sains di Negara ini dan juga memberi dorongan kepada ahli-ahli sains di Kementerian Pertahanan memberi sumbangan yang lebih berkesan lagi.

Aktiviti-aktiviti sains mempunyai peranan penting dari segi pertahanan Negara. Hakikat ini dicerminkan dari perkembangan kesemua bahagian Angkatan Tentera—Darat, Laut dan Udara. Saya telah menyatakan bahawa pada tahun-tahun tujuh puluhan Angkatan Tentera kita mestilah dapat berdiri di atas kaki sendiri. Tentera Darat kita akan dilengkapi dengan alat-alat moden yang tinggi mutunya, Tentera Udara telah dilengkapi dengan kapal-kapal terbang jenis F-5E yang membawa mereka masuk ke zaman supersonik. Tentera Laut kita telah memperolehi kapal-kapal yang moden dan akan mendapat pengkalan baru menjelang tahun 1980/81 ini.

Saya yakin melalui sains pertahanan, Angkatan Tentera kita akan dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan lebih cekap dan lebih berkesan lagi. Sungguhpun perolehan senjata, kenderaan, kapal-kapal laut dan kapal-kapal terbang moden telah dibuat dan anggota tentera telah dilatih untuk menyenggarakan alat-alat tersebut, tetapi sangatlah mustahak usaha-usaha penyelidikan dijalankan supaya mereka memperolehi pengetahuan teknologi untuk mengenali selok-belok mengenai bahan-bahan serta alat-alatan itu. Tanpa pengetahuan tersebut, tentulah kita setiap masa terpaksa bergantung kepada negara asing dan matlamat kita untuk berdikari tidak akan tercapai. Dengan adanya tenaga kerja yang terlatih, usaha-usaha penyelidikan ini akan dapat memberi sumbangan yang lebih berharga untuk pertahanan.

Saya menyeru pemerintah-pemerintah tentera pada semua peringkat supaya menggunakan cara-cara saintifik dalam masalah-masalah pertahanan. Kepakaran yang sedang ditubuhkan di Pusat Penyelidikan Pertahanan dari segi penyelidikan bahan dan penyelidikan gerakan akan mengeluarkan data yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah ketenteraan dalam berbilang jurusan yang terpilih. Kita tahu pengurusan tentera di zaman moden ini banyak menggunakan penyelidikan gerakan untuk mencapai hasil yang sebaik-baiknya.

Saudara-saudara sekalian,

Kemudahan-kemudahan yang ada di Pusat Penyelidikan Pertahanan sekarang adalah usaha permulaan dalam bidang sains pertahanan selaras dengan keperluan kita sekarang ini. Sebentar tadi Pengarah Pusat Penyelidikan Pertahanan telah menerangkan bidang aktiviti-aktiviti yang akan diuruskan oleh Pusat ini. Dari jumlah kecil ahli-ahli sains serta kemudahan-kemudahan yang terhad itu, Pusat ini telah dapat menjalankan kajian-kajian penyelidikan gerakan yang berfaedah bagi Angkatan Tentera. Bolehlah dikatakan bahawa Pusat ini adalah satu pertubuhan Kerajaan yang tunggal di mana Pegawai Penyelidiknya telah menggunakan cara penyelidikan gerakan untuk membantu Kementerian Pertahanan mengatasi beberapa masalah yang begitu luas. Satu kumpulan ahli sains yang terlatih dalam berbagai jurusan sains adalah diperlukan untuk mengendalikan penyelidikan gerakan yang berkesan. Penyelidikan merupakan satu collective discipline dan segala usaha-usaha individu itu hendaklah diselaraskan sebagai usaha-usaha kumpulan. Cara mengumpulkan hasil sains daripada sektor awam dan sektor swasta akan menentukan penggunaan kepakaran sains yang lebih berkesan untuk keperluan pertahanan.

Strateji dan taktik pertahanan telahpun bertukar dan pengurusan tentera sekarang menggunakan cara-cara sains moden menggantikan cara-cara lama. Penyelidikan gerakan adalah satu alat yang akan memberi sokongan yang lebih berkesan dalam pengurusan pada masa depan. Usaha-usaha penyelidikan dan kemajuan atas bahan dan alat-alat tentera akan dilakukan oleh Pusat Penyelidikan Pertahanan ini. Kemudahan-kemudahan fisikal perlulah diadakan bagi menjalankan tugas-tugas tersebut dan Kerajaan akan merancang untuk menampung keperluan-keperluan tersebut.

Saudara-saudara sekalian,

Pusat Penyelidikan Pertahanan ini akan memerlukan ramai lagi ahli-ahli sains untuk menguruskan penyelidikan dalam bidang-bidang kerja yang luas ini. Adalah dicadangkan untuk melipatgandakan tenaga kerja sains menjelang tahun 1980. Ini bermakna satu rancangan latihan perlu dilancarkan untuk melatih ahli-ahli sains dan teknologi bagi sains pertahanan. Selaku kerja khas, sains pertahanan akan menumpu penyelidikan bagi Tentera Laut dalam tempoh rancangan Malaysia Ketiga supaya dapat memberikan bantuan sains kepada Pengkalan Tentera Laut di Lumut dalam tahun 1981. Tugas ini akan diperluaskan kepada penyelidikan aeronautik pada satu masa kelak.

Sungguhpun tugas-tugas Pusat Penyelidikan Pertahanan diutamakan untuk membantu pertahanan, hasil daripada kajian penyelidikan di sini akan juga memberi faedah kepada bidang perindustrian amnya, setakat yang bersangkutan dengan keperluan bahan-bahan dan peralatan tentera. Penentuan mutu pertahanan yang begitu ketat bagi alat perkakas tentera adalah satu cabaran bagi perusahaan tempatan meninggikan lagi kebolehan mereka untuk memenuhi keperluan tentera. Dari itu Pusat Penyelidikan Pertahanan perlu berhubung rapat dengan perusahaan mengenai pembuatan alat perkakas pertahanan yang akan meninggikan kecekapan perusahaan tersebut.

Akhir kata dalam usaha-usaha untuk menjalankan penyelidikan pertahanan, maka perlulah diperluaskan pengetahuan sains dan teknologi. Buat masa ini kita terpaksa perolehi dari luar negeri dan dalam melaksanakan rancangan perkembangan Pusat Penyelidikan Pertahanan ini, kita bernasib baik mendapat bantuan dan kerjasama daripada negara-negara sahabat. Saya mengambil kesempatan ini merakamkan terima kasih kepada Kerajaan Australia dan Kanada khasnya atas sumbangan mereka menghadihkan alat-alat saintifik di samping meminjamkan pakar-pakar sains memberi bimbingan kepada ahli-ahli sains kita dan juga memberi maklumat-maklumat penyelidikan sains dan teknikal untuk Kementerian ini. Kita sangat-sangat menghargai kerjasama yang tersebut itu.

Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Pusat Penyelidikan Pertahanan ini dan mendoakan semoga segala usaha-usahanya akan mencapai kejayaan.



Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein sedang melihat sebahagian dari peluru yang dipamerkan di Pusat Penyelidikan Pertahanan di Kementerian Pertahanan Jalan Gurney Kuala Lumpur pada 31hb Julai, 1975